

BAB 5:

PENUTUP

DAN CADANGAN

BAB 5:

PENUTUP DAN CADANGAN

5.1 Penutup

- a. Kesimpulan yang boleh dibuat ke atas kertas kajian ini adalah seperti berikut:
- i. pembangunan adalah satu usaha yang dijalankan sama ada oleh individu maupun pemerintah untuk menjadikan kehidupan ini lebih sempurna lagi, yang dipenuhi dengan keselesaan dan ketenangan jiwa;
 - ii. pembangunan merupakan alat kepada proses pemodenan tamadun manusia dan tanpa pembangunan, kehidupan manusia akan menjadi mundur, tidak dapat bersaing dengan bangsa lain di dunia ini dan adakalanya ditindas ataupun 'dijajah' oleh negara yang lebih maju dari mereka misalnya dalam soal politik, ekonomi maupun sosial;
 - iii. pembangunan seimbang amatlah penting di dalam pembangunan sesebuah negara di mana di dalam aspek pembangunan negara juga perlulah mengambilkira soal pembangunan rohani dan jasmani manusia dalam usaha untuk melahirkan generasi yang maju serta bermoral tinggi;
 - iv. di dalam pembangunan negara, campur tangan kerajaan diperlukan untuk memastikan segala dasar pembangunan negara berjalan lancar dan mencapai apa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, perkataan 'campur tangan' adalah tidak tepat untuk menggambarkan penglibatan kerajaan di dalam pembangunan negara. Ini adalah kerana, ia lebih merupakan 'tanggungjawab' yang perlu kerajaan jalankan demi untuk kejayaan pembangunan negara khasnya dan kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhannya;
 - v. tidak semestinya lebih banyak campur tangan kerajaan di dalam pembangunan maka, semakin meningkat tahap pembangunan sesebuah

negara. Ini adalah kerana, ada masanya kerajaan perlu bertolak ansur dengan memberikan beberapa kelonggaran dari segi peraturan, pengenaan cukai dan sebagainya demi untuk memastikan pembangunan ekonomi negara berjalan lancar. Di sini, kerajaan hanyalah sebagai perencana dasar pembangunan negara manakala pelaksanaan dasar tersebut kebanyakannya dibuat oleh sektor swasta serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Sekiranya dalam hal ini, kerajaan terlalu banyak campur tangan, ini bermakna, semakin banyak peraturan serta sekatan yang akan dikenakan dan akibatnya pembangunan negara akan terbantut sehingga ada kalanya rasuah diperlukan untuk memastikan urusan tersebut segera diselesaikan;

vi. di dalam pembangunan negara perlulah ada *win-win situation* di mana pihak kerajaan, pihak swasta dan rakyat secara keseluruhannya bersama-sama berganding bahu membangunkan negara dan seterusnya bersama-sama mengecapi hasil dari pembangunan negara tersebut;

vii. hakikatnya unsur *nepotism* dan *cronyism* boleh dielakkan sekiranya kita mempunyai keazaman yang kuat untuk mengatakan bahawa kedua-dua unsur tersebut merupakan antara bentuk-bentuk rasuah yang perlu dihindari dalam setiap urusan seharian baik di dalam keluarga, di tempat kerja dan sebagainya, lebih-lebih lagi di dalam pemilihan pemaju atau tokoh korporat tertentu bagi memajukan sesuatu projek pembangunan negara. Walau bagaimanapun, dikatakan tidak mengapa sekiranya mereka yang disifatkan sebagai ahli keluarga atau kawan rapat ini dipilih untuk melaksanakan sesuatu projek berdasarkan kepada pengalaman dan prestasi kerja cemerlang yang ditunjukkan mereka sebelum ini;

viii. di dalam pemberian tender pula, jawatankuasa yang terlibat terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) ataupun Ketua Pengarah Jabatan manakala ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berkaitan. Pegawai-pegawai kerajaan inilah yang mempunyai

kuasa untuk mengurus, menilai, menentukan dan seterusnya memilih siapakah yang benar-benar layak untuk mendapat tender tersebut. Menteri hanya akan dimaklumkan akan keputusan Jawatankuasa Tender tersebut sahaja. Justeru itu adalah tidak benar sebagaimana tanggapan sesetengah anggota masyarakat bahawa ahli politik atau menteri terlibat secara langsung di dalam pemberian tender bagi sesuatu Kementerian ataupun Jabatan. Oleh itu yang ramai 'kenyang' ialah pegawai kerajaan yang terlibat di dalam Jawatankuasa Tender tersebut dan bukannya menteri;

ix. konsep samarata dan keadilan semua perlu diamalkan di dalam pengagihankekayaan negara, lebih-lebih lagi di dalam menentukan siapa yang benar-benar layak untuk memajukan projek-projek pembangunan kerajaan tersebut. Di sini, ketelusan amatlah penting agar tidak wujudnya unsur-unsur rasuah di dalamnya. Elakkan juga unsur-unsur *cronyism* dan *nepotism* kerana kedua-dua unsur tersebut juga merupakan salah satu bentuk rasuah;

x. rasuah adalah satu bentuk penyalahgunaan faedah yang sepatutnya diberi dan dinikmati oleh orang ramai, tetapi telah digunakan untuk kepentingan diri sendiri, keluarga (*nepotism*) mahupun sahabat handai (*cronyism*);

xi. rasuah bukan sahaja merupakan satu kesalahan undang-undang tetapi juga merupakan satu kesalahan sosial dan peradaban. Rasuah biasanya berlaku kepada mereka yang memegang kuasa dan sekiranya kuasa tersebut lebih menjurus kepada seseorang, maka lebih cenderunglah seseorang itu melakukan rasuah;

xii. Malaysia masih mempunyai bibit-bibit rasuah tetapi tidaklah seteruk seperti mana yang digambarkan oleh Transparency International kerana Malaysia mempunyai undang-undang rasuah yang ketat dan undang-undang

ini tidak akan berkesan kecuali dengan langkah penguatkuasaan (*enforcement*) yang berterusan, cekap dan berkesan;

xiii. gejala rasuah di Malaysia masih terkawal dan tidaklah sampai ke peringkat rasuah menjadi satu budaya sehingga setiap urusan memerlukan rasuah;

xiv. di antara punca berlakunya rasuah di Malaysia ialah keinginan untuk hidup mewah, hidup suka bermegah-megah, kurangnya penghayatan nilai-nilai Islam, kurangnya penyeliaan dari pegawai atasan, terlalu banyak penurunan kuasa kepada pegawai bawahan, longgarnya tatacara dan peraturan kerja, pegawaiatasan sendiri terlibat dengan rasuh, gaji yang rendah, sikap tamak dan tidak bersyukur dengan apa yang diterima, dan juga sikap suka berbelanja melebihi dari pendapatan;

xv. rasuah adalah lebih subjektif dan sukar untuk dibuktikan mahupun untuk dibuat kajian mengenainya sebagaimana yang dinyatakan oleh Professor Syed Hussein Alatas di dalam kebanyakan buku tulisannya, oleh Tuan Haji Abdul Samat Kasah dan juga oleh Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim di dalam sesi wawancara bersama BPR dan Y.B. Menteri, serta juga di dalam tulisan beberapa penulis yang dinyatakan di dalam kertas kajian ini. Ini adalah kerana, rasuah hanya dapat dilihat setelah sesuatu perbuatan rasuah itu berlaku dan kita tidak dapat melihat rasuah sebelum sesuatu perbuatan rasuah itu berlaku. Di samping itu, tidak semua orang akan mengaku bahawa ia ada memberi atau menerima rasuah. Bagi mereka, perbuatan rasuah adalah salah sedangkan pada masa yang sama, tangan kiri mereka sedang memberi atau menerima rasuah;

xvi. apa yang boleh dibuat di dalam kajian mengenai rasuah ialah dengan mendapatkan persepsi segolongan masyarakat mengenai rasuah, punca-punca berlakunya rasuah dan sebagainya, juga melalui kajian-kajian yang dibuat di negara-negara lain, tulisan-tulisan mengenai rasuah (*sociology of*

corruption), perbandingan aktiviti pencegahan rasuah di Malaysia dan juga di beberapa negara ASEAN yang lain, dan sebagainya. Kajian ini juga memerlukan satu tempoh masa yang agak panjang (mungkin lebih dari setahun) untuk menilai misalnya, keberkesanan aktiviti pencegahan rasuah yang dijalankan, keberkesanan Akta Pencegahan Rasuah dan sebagainya;

xvii. dikatakan juga bahawa, 'pembangunan' dan 'rasuah' merupakan dua pembolehubah yang agak sukar untuk ditentukan sejauh manakah pertalian atau kaitan di antaranya. Misalnya tahap pembangunan ekonomi negara boleh diukur dari aspek pembangunan infrastruktur dan juga pertumbuhan ekonomi negara (KDNK) yang dinikmati oleh masyarakat. Pembangunan ekonomi negara ini boleh dinilai melalui perancangan lima tahun negara dan juga melalui pembentangan belanjawan negara di Parlimen pada setiap tahun. Manakala kebanyakan kes rasuah tidak mudah diselesaikan misalnya kes Perwaja yang telah berlanjutan bertahun-tahun lamanya, apatah lagi untuk melihat sejauh mana pertalian rasuah dengan pembangunan;

xviii. bagi menunjukkan kaitan di antara pembangunan dan rasuah, ia memerlukan kajian yang terperinci dan memerlukan maklumat serta data-data yang boleh dipercayai untuk menyatakan sejauh manakah pertalian di antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Misalnya kejayaan pembangunan negara boleh dinilai dari segi kejayaan kerajaan melaksanakan dasar pembangunan tersebut yang meliputi soal pembasmian kemiskinan, peningkatan kualiti kesihatan rakyat, pendidikan, kemudahan asas dan sebagainya. Manakala kejayaan menangani rasuah boleh diukur dari kejayaan BPR membawa sesuatu kes rasuah ke mahkamah. Tetapi, untuk menunjukkan kaitan di antara tahap rasuah dengan tahap pembangunan negara, ianya agak sukar untuk dijalankan kerana tidak semestinya semakin pesat pembangunan negara, maka semakin tinggi kadar rasuahnya, begitu juga sebaliknya. Apa yang penting ialah, tahap penguatkuasaan undang-undang rasuah mestilah berterusan, dan ianya perlulah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; dan

xix. walau bagaimanapun, di dalam soal selidik yang dijalankan serta dari sesi wawancara yang dibuat, didapati kebanyakan responden tidak menafikan bahawa terdapatnya pertalian di antara pembangunan dan rasuah di dalam pembangunan negara Malaysia. Bagi mereka, kepesatan pembangunan ekonomi negara akan mewujudkan suatu suasana persaingan yang hebat di mana para pemaju serta tokoh-tokoh korporat tertentu akan menggunakan segala peluang yang ada untuk merebut tender atau projek-projek pembangunan negara.

Perkara di atas jelas ditunjukkan di dalam kajian kes-kes rasuah yang berlaku di Malaysia di mana diperlihatkan betapa gejala rasuah telah menyebabkan bukan sahaja sebilangan penjawat awam malahan segelintir pemimpin politik tertentu menjadi ‘kabur mata’ apabila disogokkan dengan sejumlah wang sehingga sanggup mengenepikan tugas yang diamanahkan rakyat kepada mereka. Scenario ini menjadi semakin serius dengan adanya amalan nepotisme, kronisme dan politik wang di mana golongan tertentu yang mempunyai pertalian keluarga, sahabat baik dan sebagainya dengan penjawat awam berkenaan, ataupun bernaung di bawah pemimpin politik tertentu akan mendapat keutamaan yang lebih untuk diberikan projek-projek pembangunan negara dan sebagainya berbanding dengan orang lain. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, kes-kes rasuah yang melibatkan amalan yang sedemikian agak sukar untuk dibuktikan sehingga terdapat kes-kes rasuah yang dikatakan tidak cukup bukti oleh Jabatan Peguam Negara untuk diteruskan penghakiman misalnya yang melibatkan Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik dan juga Datuk Paduka Rafidah Aziz.

Di samping itu, dari segi hukuman yang dijatuhkan ke atas pesalah rasuah juga agak berbeza-beza (ada yang menerima hukuman yang berat dan ada yang ringan), misalnya kes rasuah yang melibatkan Datuk Haji Harun Idris berbanding dengan kes Datuk Saidin Thamby, Datuk Waad Mansor dan sebagainya. Di samping itu, kebanyakan pesalah rasuah juga dibenarkan

diikat jamin tetapi perkara ini tidak terpakai di dalam kes rasuah yang melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana ia dikatakan melibatkan soal keselamatan negara walaupun kes rasuah beliau tidak melibatkan satu sen pun wang berbanding dengan kes rasuah Datuk Saidin Thamby yang melibatkan RM1juta.

Walau bagaimanapun, apa yang dapat dikatakan sehingga kini ialah, pertalian di antara rasuah dan pembangunan di negara ini masih lagi terkawal dan tidak sampai ke tahap di mana kepesatan pembangunan negara juga membawa kepada peningkatan gejala rasuah di dalam negara; dan

xxi. sekiranya rasuah tidak dibendung secara serius, ekonomi negara akan luntur kerana sebahagian daripada faedahnya akan meresap ke bawah menerusi rasuah sebagaimana yang dikatakan sebagai *economic leakage through corruption*, dan seterusnya melanggar konsep samarata sebagaimana yang dinyatakan di Perkara 8, Perlembagaan Malaysia.

b. Selain itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed semasa melancarkan Kempen Bersih, Cekap dan Amanah pada bulan April 1982 telah menyarankan bahawa pembangunan dan kejayaan sesebuah negara adalah bergantung besar kepada sikap yang positif serta bermoral tinggi pengurusan-pengurusan pekerjaan, pentadbiran dan rakyat secara keseluruhannya. Di atas hakikat inilah maka kesedaran haruslah ditanamkan di jiwa pegawai-pegawai awam, pegawai pegawai swasta, pekerja-pekerja dan rakyat supaya mereka memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing dan melaksanakannya dengan cekap dan berkesan, di samping mempunyai sikap bersih dan beramanah. Perasaan dan tanggapan bahawa mereka bekerja semata-mata bagi memenuhi keperluan diri sendiri iaitu untuk mendapat upah atau ganjaran hendaklah dikikis tetapi sebaliknya semangat bekerja bagi faedah negara dan rakyat keseluruhannya hendaklah ditanamkan di jiwa semua.

c. Tan Sri Harun Hashim, bekas Ketua Pengarah dan pengasas BPR menyatakan bahawa, rasuah hanya dapat dielakkan malah dihapuskan sekiranya ada keazaman politik (*political will*). Selain itu, dalam ucapannya di majlis anjuran MIM (Malaysia Institute of Management) beliau menyatakan bahawa, pada tahun 1967, apabila beliau dilantik untuk menubuhkan BPR, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman memberikan beliau sepenuh kebebasan untuk membendung rasuah daripada berleluasa di negara ini. Beliau juga dibenarkan untuk memilih pegawai bagi menganggotai BPR dari kalangan anggota pentadbiran dan polis bersama dengan peruntukan yang tidak terhad daripada Kementerian Kewangan. Tidak ada campur tangan daripada kerajaan di dalam urusan BPR. Peguam Negara sendiri pun tidak dibenarkan campur tangan dalam urusan pendakwaan kes-kes rasuah. Tapi dengan undang-undang baru rasuah hari ini, Ketua Pengarah BPR tiada langsung kuasa undang-undang katanya. Beliau akhirnya mengungkapkan bahawa usaha membanteras rasuah di dalam perkhidmatan awam dan swasta haruslah menjadi tanggungjawab semua. Perasuah harus dilihat sebagai musuh rakyat. Kita tidak mahu rasuah menjadi amalan hidup. BPR mesti bebas dan melapor terus kepada Parlimen.

Dari apa yang dikatakan oleh bekas Ketua Pengarah BPR tersebut, bolehlah dikatakan bahawa BPR sebagai sebuah badan yang bebas menjalankan tugas dan tanggungjawabnya tanpa campur tangan politik sebenarnya tidaklah sebebas mana yang dijangka. Misalnya BPR perlu mendapatkan kelulusan kerajaan bagi mengisi kekosongan perjawatan di dalam BPR dan BPR juga perlu memohon kepada kerajaan sejumlah wang bagi membiayai perjalanan organisasi BPR sendiri. Di samping itu, setiap kes rasuah yang selesai disiasat oleh BPR, maka kertas siasatan akan diserahkan kepada Peguam Negara untuk diteliti dan seterusnya diputuskan sama ada dibawa ke mahkamah untuk didakwa ataupun tidak.

d. Di samping itu, amalam kronisme dan nepotisme secara berleluasa juga telah banyak mengekang fungsi dan tanggungjawab BPR. In adalah kerana,

kebanyakan ahli korporat yang terlibat mempunyai kaitan atau pertalian (*political patronage*) sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan tokoh politik parti pemerintah. Di antaranya ialah seperti berikut:

Tan Sri Ananda Krishnan (Binariang), William Chin (Lion Group), Tun Hanif Omar (Genting), Datuk Francis Yeoh (YTL), Jeffrey Chia (Sunway Group), Lim Kim Yew (Mines Resort), Tan Sri Vincent Tan (Berjaya, Sport Toto, Raleigh Bhd), Tan Sri Halim Saad (Renong, Faber Group, Park May, CAHB, UEM, Ho Hup), Tan Sri Tajuddin Ramli (MAS, TRI, Celcom), Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah (Land & General Bhd, Amway, RJ Reynolds), Mohamad Anwar Senawi (Landmarks Bhd), Abu Zahid (Perwaja, Maju), AP Arumugam, Lim Kok Wing, Hj Basir Ismail, Nordin Sopiee, Tengku Adnan, Shamsudin Abu Hassan, Tan Sri Ting Pek Khing (Ekran - Bakun), Tan Sri Eric Chia (Perwaja), Tan Sri Tiong (MEC), Dato' Soh Chee Wen dan Datuk Kadir Jasin (NSTP, MRCB, TV3, Malakof). Datuk Ahmad Razali (Pengerusi Tabung Haji) merupakan ipar kepada Dr. Mahathir. Anak-anak Dr. Mahathir juga mempunyai syarikat mereka sendiri misalnya Mokhzani (Pantai Holding Bhd, KL City Corp, THB, Tongkah Holding)(Tongkah Medivest Bhd dianugerahkan projek penswastaan 'hospital support services'), Mirzan (KPB, Artwright Holding Bhd, Capetronic, Dataprep, Diperdana, KIG, Lion Corp, Transmile, Worldwide, Mamee-Double Decker, Sunway Building) dan Mukhriz (Ajiya Bhd, Reliance Pacific Bhd).

e. Dalam hal yang lain, berapa ramaikah bekas dan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang ditangkap, dituduh dan diperkatakan terlibat dengan kes rasuah. Lihat saja tindakan terhadap Datuk Saidin Thamby, Adun Paya Jaras yang menerima RM1juta kerana mempengaruhi keputusan exco bagi meluluskan satu permohonan tanah, Tan Sri Muhammad Muhd Taib pula gagal mengisytiharkan wang tunai RM2.4 juta di Brisbane Airport, Australia dan sebagainya. Selain itu, penahanan sekejap BPR ke atas Tan Sri Rahim Thamby Chik pada November 1994 bersabit perbuatan rasuah beliau pada tahun 1989 dan 1991 dengan Syarikat Dayamik, dan akhirnya disenyapkan begitu saja.

Sebenarnya, perkara-perkara yang diperkatakan di atas merupakan antara persoalan-persoalan yang bukannya sengaja ditimbulkan ataupun sengaja diada-adakan tetapi merupakan suatu kenyataan yang sudah diketahui ramai. Orang ramai mula mempersoalkan sejauh manakah kewibawaan BPR di dalam menangani masalah rasuah khasnya yang melibatkan kronisme atau nepotisme di dalam pembangunan negara Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa BPR telah menjalankan tugasnya dengan baik. Sekurang-kurangnya, gejala rasuah di dalam negara agak terkawal atau boleh dielakkan tetapi penguatkuasaan yang dijalankan perlulah lebih berkesan dan menyeluruh tanpa memilih pangkat, darjah, kedudukan dan sebagainya.

5.2 Cadangan

a. Oleh itu, dicadangkan semoga Kerajaan mengkaji semula kuasa, tugas dan tanggungjawab Badan Pencegah Rasuah (BPR). Ini bagi membolehkan BPR mempelopori gerakan pendidikan anti-rasuah yang komprehensif di kalangan masyarakat, melakukan kegiatan pencegahan yang lebih berkesan, menjalankan penyiasatan dengan lebih cekap dan adil serta membuat perakuan-perakuan pindaan yang berwibawa ke atas segala amalan dan prosedur sektor awam yang berpotensi menggalakkan rasuah.

Kerajaan juga hendaklah memberi perspektif baru kepada amalan rasuah supaya ianya diikategorikan sebagai musuh negara yang sama padahnya dengan penagihan dadah. Justeru itu, wajarlah diwujudkan sebuah Majlis Anti Rasuah Negara untuk mengesan, mengkaji serta menganalisa amalan rasuah, kesan dan implikasinya terhadap sosio-ekonomi, politik dan keselamatan negara. Majlis tersebut hendaklah mempunyai jawatankuasanya di peringkat negeri dan daerah serta bergerak seiring dengan BPR.

BPR juga mestilah bertanggungjawab ke atas satu entiti undang-undang atau satu jawatankuasa khas Parlimen bagi memastikan terdapatnya *check and balance* ke atas apa juga tindakan yang dibuat oleh BPR ke atas kes-kes rasuah

yang diadukan kepada mereka. Ini adalah kerana, pada masa sekarang, walaupun BPR diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, tetapi kuasa penuh adalah di tangan BPR sendiri sama ada untuk menangguh ataupun meneruskan siasatan ke atas aduan rasuah yang dibuat oleh orang ramai sebagaimana yang dikatakan oleh Y.B. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim semasa sesi wawancara bersama beliau. Sepatutnya bagi setiap aduan rasuah yang dibuat, BPR perlulah melaporkan kembali akan kedudukan aduan tersebut kepada pengadunya agar aduan itu ada 'nyawanya' dan tidaklah senyap begitu sahaja.

Selain itu, kewujudan satu gerakan anti-rasuah kebangsaan yang dapat menggembangkan penyertaan rakyat jelata, sektor awam, swasta, politik dan sukarela juga mestilah digalakkan. Gerakan bersepada ini hendaklah mempunyai struktur organisasi yang sama seperti PEMADAM dan bergerak seiring dengan BPR dan Jawatankuasa Anti Dadah.

b. Seterusnya, perilaku kakitangan awam yang memproses, menganalisa, membuat perakuan, mengendali, menyelia dan meluluskan semua aspek percuaian, pelesenan, projek pembangunan dan projek penswastaan di peringkat pusat, negeri dan daerah mestilah telus dan bebas dari rasuah. Warga korporat yang berurusan dengan sektor awam mengenai penswastaan atau pelaksanaan projek pembangunan di semua peringkat juga dituntut berperilaku telus dan bebas dari rasuah.

Pada waktu yang sama, usaha mewujudkan masyarakat madani yang menjunjung keluhuran undang-undang, mengamalkan tradisi moral yang murni, berbudaya, berintegriti dan tidak berkompromi terhadap rasuah perlu diperhebat dan diperkasakan lagi gerakannya. Seluruh jentera pembangunan generasi anjuran Kerajaan, politik, korporat dan sukarela perlu mendukung usaha ini menerusi gerakan kesedaran dan modul latihan ketatanegaraan dan keagamaan yang rapi, khusus, bersepada dan berterusan.

- c. Seluruh kepemimpinan sektor awam, politik dan korporat hendaklah mengisyiharkan harta masing-masing kepada sebuah jawatankuasa di bawah pimpinan Perdana Menteri. Bagi anggota perkhidmatan awam, perkara 10(1) peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993 jelas menunjukkan bahawa mereka perlu mengisyiharkan harta masing-masing dan perkara ini mestilah dititikberatkan bagi mengelakkan seseorang penjawat awam dari memiliki harta di luar kemampuan serta menyelenggara satu taraf hidup yang melebihi emolumennya. Dengan adanya pengisytiharan harta, jika mencurigakan maka, siasatan terperinci perlu dijalankan oleh ketua-ketua jabatan yang berkenaan.
- d. Elemen dan mesej anti-rasuah juga hendaklah diterapkan ke dalam jiwa segenap generasi muda Malaysia menerusi kurikulum khas pendidikan rendah, menengah dan tinggi Kerajaan dan swasta. Elemen dan mesej ini juga hendaklah diterapkan ke dalam jiwa segenap pelatih menerusi kurikulum khas di semua agensi latihan awam dan swasta.
- e. Tidak ketinggalan, pemimpin-pemimpin politik juga perlulah memberikan komitmen yang tinggi terhadap usaha pencegahan rasuah di negara ini dan mereka sendiri perlulah menjauhkan diri dari melakukan rasuah. Ini kerana, setiap apa yang mereka lakukan, baik dari segi pelaksanaan tugas maupun dari segi cara hidup, mestilah bebas dari unsur-unsur rasuah. Sebagai rakyat negara ini, mereka juga tidak terlepas dari menghadapi tindakan undang-undang sekiranya didapati bersalah melakukan rasuah.
- f. Selain itu, strategi yang komprehensif serta berkesan perlulah diadakan bagi menangani masalah rasuah di kalangan penjawat awam dan juga anggota masyarakat yang lain. Dengan lain perkataan, perundangan mengenai rasuah perlulah mengikut keadaan semasa dan jika perlu, hendaklah dipinda bagi memastikan penguatkuasaannya yang lebih berkesan. Misalnya *Singapore's Prevention of Corruption Act (POCA)* telah beberapa kali dipinda bagi menambahkan keberkesanannya pelaksanaannya.

- g. Selain daripada pindaan ke atas perundangan rasuah, pegawai dan kakitangan Badan Pencegah Rasuah sendiri mestilah terdiri daripada mereka yang jujur, bersih, cekap dan amanah di dalam menjalankan tugas masing-masing. Perkara ini amatlah penting dan sekiranya mereka sendiri yang terlibat dengan rasuah, maka bagaimana mereka hendak menjalankan tugas dengan baik dan berkesan. Bagaimana pula pandangan masyarakat kepada agensi tersebut? Mereka yang terlibat perlulah dikenakan tindakan yang tegas dan boleh dipecat dari perkhidmatan awam.
- h. Di samping itu, pegawai dan kakitangan awam khasnya yang berkhidmat di Jabatan Kastam, Imigresen, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga polis hendaklah dipastikan mereka tidak terlalu lama berkhidmat di agensi-agensi kerajaan tersebut. Mereka yang telah berkhidmat lebih tiga tahun di situ hendaklah ditukarkan ke unit atau bahagian lain di agensi berkenaan, ataupun ditukarkan ke kementerian lain bagi memastikan mereka tidak menyalahgunakan kedudukan mereka untuk melakukan rasuah.
- i. Dalam hal yang lain, terdapat juga cadangan bagi menaikkan gaji dan elauan penjawat awam bagi mengurangkan gejala rasuah di dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dilakukan di Malaysia sekarang. Walau bagaimanapun, perkara ini amat bergantung kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sekiranya pertumbuhan ekonomi negara amat memuaskan maka, tiada masalah bagi Kerajaan untuk menaikkan gaji kakitangan awamnya agar lebih kompetitif dengan gaji kakitangan swasta.
- j. Selain itu, kalau boleh, kerena birokrasi atau *red tape* perlulah dikurangkan dalam setiap urusan yang hendak dilakukan. Jika sesuatu urusan itu boleh diselesaikan dalam satu hari, maka janganlah ditangguh-tangguhkan ke lain hari sehingga memaksa orang ramai memberikan *duit kopi* bagi menyegerakan urusan berkenaan. Ikutlah piagam pelanggan (janji jabatan kerajaan kepada orang awam) dengan baik bagi memastikan imej jabatan tidak terjejas.